

31 MAR 2002
PAS-Hudud (Analisis Berita)
TANGGUH HUDUD: BUKTI PAS BELUM BERSEDIA

Oleh: Ayob Mamat

KUALA TERENGGANU, 31 Mac (Bernama) -- Apabila kerajaan PAS Terengganu menangguhkan pembentangan enakmen hukum hudud pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu April ini, ia mula menimbulkan pelbagai andaian.

Malah pengumuman mengenai penangguhan itu, menjelang kemuncak sambutan dua tahun pemerintahan PAS di Terengganu malam esok di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini sudah tentu memberi impak kepada imej parti itu.

Isu itu menarik perhatian ramai penganalisis politik yang mengikuti setiap rentak PAS di Terengganu sejak memenangi pilihan raya November 1999, setelah mengumumkan mahu melaksanakan pemerintahan Islam sepenuhnya di negeri ini.

Walaupun terdapat di antara pemimpin PAS yang berseloroh bahawa mereka akan melaksanakan Islam di Terengganu sebelum ayam berkokok, namun kelucuan seperti itu ternyata menjerat diri sendiri.

Kini, selepas begitu ghairah mencanangkan bahawa mereka akan membentangkan enakmen itu pada sidang DUN akan datang yang dijadual 11 April ini, pengumuman penangguhan menghampakan rakyat yang termakan dengan janji PAS itu dan ditertawakan mereka yang tahu PAS sekali lagi bermain kata-kata.

Ketika mengumumkan penangguhan itu, Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata keputusan itu diambil dengan alasan untuk mendapatkan maklum balas rakyat terlebih dahulu dan juga parti politik.

Beliau berkata pelbagai pihak termasuk Umno yang turut mempunyai pakar dalam hukum syarak boleh mengemukakan pendapat untuk memperkemaskan draf enakmen itu agar ia kelak tidak dituding jari sebagai hukum hudud PAS.

"Kita perlu mendapat maklum balas, walaupun kita sudah memahaminya. Kita akan turut mendapatkannya daripada pertubuhan politik termasuk Umno dan DAP..." katanya selepas mesyuarat exco Rabu lepas.

Pemerhati politik melihat langkah PAS itu sebagai satu bukti bahawa mereka sebenarnya tidak bersedia untuk melaksanakan enakmen itu kerana baru mahu meminta pandangan pada peringkat ini.

"Apakah enakmen hudud yang dibentangkan di Kelantan sebelum ini belum lagi kemas sehingga perlu kepada pandangan lain sedangkan Abdul Hadi sendiri yang menjadi pengerusi jawatankuasa penggubalnya.

"Ini sebenarnya membuktikan PAS tidak bersedia dalam hal itu dan menjadikannya sebagai modal politik," kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu, Din Adam pula berkata apa yang dilakukan PAS itu adalah kerana desakan politik walaupun ia sebenarnya di luar kemampuan mereka.

"Mereka mahu bermain politik dengan pembentangan enakmen itu yang kesudahannya ialah PAS akan menyalahkan kerajaan pusat," katanya.

Ada pemerhati politik melihat perkembangan terbaru itu mencerminkan keadaan 'kelam-kabut' PAS ke arah menunaikan janji dalam manifesto pilihan raya mereka kepada rakyat.

Hakikatnya ialah sejak ditubuhkan pada tahun 1951 dengan cita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia, PAS sebenarnya langsung tidak bersedia ke arah itu.

Jika benar cita-cita itu menjadi pegangan, mereka sudah mempunyai konsep sebuah negara Islam secara bertulis sejak ia ditubuhkan dan tidak

terlalu sukar untuk menyahut cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu, katanya.

Malangnya, segala-galanya mahu dirangka, digubal dan diperhalusi ketika mereka memiliki kuasa di Kelantan dan Terengganu termasuklah dalam soal hukum hudud ini.

"Sepatutnya mereka tidak ada masalah ... dapat kuasa saja terus dibentangkan enakmen itu kalau benar mereka mempunyai cita-cita sejak tahun 1951 lagi tetapi mengapa sekarang semuanya baru nak bermula.

"Malangnya rakyat yang taksub kepada mereka tidak melihat semua ini dengan adil dan bertanggungjawab sehingga mereka mudah terpedaya," kata seorang lagi pemerhati politik.

Pandangan itu mempunyai kebenarannya kerana sebagai sebuah parti politik yang bermatlamat untuk menjadi kerajaan, apatah lagi kerajaan Islam sebagaimana yang didakwa PAS, ia sepatutnya sudah mempunyai kerangka mengenainya.

Seperti yang dijawab Ketua Dewan Ulama PAS yang juga Adun Manir, Harun Taib di DUN Terengganu sebelum ini bahawa Terengganu sudah menjadi negeri Islam sebaik sahaja keputusan pilihan raya diumumkan pada 29 Nov 1999.

Mudahnya menjadi sebuah negeri Islam hanya kerana kuasa bertukar tangan kepada sebuah parti yang mempunyai cita-cita "besar" tetapi pengisiannya adalah kosong.

Kini, mereka yang mengundi PAS bagi kerusi DUN dan sekutunya Keadilan di Terengganu pada pilihan raya umum lepas, menantikan kesudahan episod ini untuk melihat sejauh mana PAS dapat mengotakan apa yang dikata.

Bagi seorang pemerhati politik, beliau bagaikan sudah dapat membaca kisah itu, PAS sudah pasti akan menyalahkan kerajaan pusat dalam hal ini kononnya menyekat Terengganu melaksanakan undang-undang hudud.

Selepas membasuh kaki menaiki takhta ketika memenangi pilihan raya umum lepas dengan segala kemudahan disediakan Barisan Nasional (BN), PAS cuba membasuh tangannya pula kali ini apabila menyalahkan kerajaan pusat berhubung isu itu.

--BERNAMA

AYB SN RON